

CNS/784

U GB 28-02 00164 BA528

AAB

LEAD Mahathir - Teluk '''

I

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Malaysia telah merayu kepada negara-negara Arab supaya bersatu tenaga untuk menjaga keselamatan di Asia Barat berikutan tamatnya perang Teluk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melahirkan rasa leganya terhadap gencatan senjata yang diisytiharkan di Teluk hari ini, berkata: +Saya amat berharap ruang yang dikosongkan oleh Iraq dapat diisi oleh negara-negara Arab yang bersama-sama bersatu untuk menjaga keadaan keselamatan di Asia Barat.+

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap Israel tidak akan cuba merebut peluang daripada keadaan selepas perang itu kerana ia akan menimbulkan ketidakstabilan yang berkekalan di rantau berkenaan.

Semasa bercakap pada persidangan akhbar selepas mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata, beliau gembira Amerika Syarikat telah menggantung serangan kerana +ini dapat menyelamatkan banyak nyawa.+

Beliau juga gembira bahawa Presiden Iraq, Saddam Hussein akhirnya bersetuju mematuhi kesemua resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berhubung krisis Teluk. -- Lagi.

♥28/02/20-27MST

CNS7787

U GB 28-02 00075 BA529

AAB

LEAD Mahathir - Teluk 2 Kuala Lumpur '''

+Malaysia berpendapat bahawa Presiden Saddam sepatutnya berbuat demikian sejak awal lagi setelah ia menakluki Kuwait,+ katanya.

+Kami juga berharap kemusnahan itu dihentikan dan orang ramai mempelajari bahawa tidak ada gunanya mempunyai cita-cita untuk menakluki sesebuah wilayah,+ kata beliau.

Semasa menjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia bersedia menghantar bantuan yang termampu jika diminta oleh PBB. -- Bernama

♥28/02/20-30MST